

Apa Pendapat Biskita?

Tiada kesedaran sivik, punca perosak kemudahan awam

KEMUDAHAN awam yang disediakan oleh pihak kerajaan dan swasta adalah untuk kegunaan orang ramai. Akan tetapi, ada kemudahan yang disediakan itu telah dirosakkan oleh pihak yang tidak bertanggungjawab. Sebagai contohnya, mereka merosakkan kemudahan awam seperti memutuskan gagang telefon awam, menconteng dinding tandas awam, merosakkan alat permainan di taman permainan kanak-kanak dan sebagainya. Perkara itu menyebabkan orang lain pula yang akan menerima kesannya kerana tidak dapat menggunakannya. Pada pandangan awda, apakah faktor-faktor yang menyebabkan kejadian ini berlaku? Apa Pendapat Biskita turut mendapat beberapa pandangan mengenai dengan isu ini.

"Bagi pendapat saya, seperti yang kita sedia maklum, antara faktor yang menjadi punca kepada berlakunya kerosakan kemudahan awam ini disebabkan oleh kurangnya didikan agama dan moral di rumah. Hal ini dikatakan demikian kerana ahli keluarga itu sendiri tidak menunjukkan contoh yang baik serta tidak menitikberatkan soal agama dan moral. Oleh itu, mereka merosakkan kemudahan awam tanpa memikirkan akibat dan kesukaran yang akan dihadapi oleh orang lain. Jadi, tanpa didikan agama dan moral daripada keluarga, perkara ini akan menyebabkan remaja tidak dapat membezakan perkara yang baik atau buruk. Hal ini menunjukkan bahawa didikan agama dan moral yang kurang dititikberatkan oleh ibu bapa menjadi faktor kemudahan awam dirosakkan". - **Masrel Ashraf, Muara.**

"Faktor yang menyebabkan kemudahan awam dirosakkan ialah remaja terpengaruh oleh perbuatan yang dilakukan oleh rakan sebaya mereka. Perkara ini berlaku kerana mereka kebiasaannya akan melakukan atau mencontohi tindakan rakan-rakan yang lain. Kebiasaannya, remaja akan mengikut contoh atau melakukan tindakan yang dilakukan oleh rakan yang merosakkan kemudahan awam, seperti merosakkan pam atau singki tandas. Tindakan yang tidak bertanggungjawab ini menyebabkan kesulitan kepada orang lain yang hendak menggunakannya. Hal ini membuktikan bahawa pengaruh rakan merupakan satu daripada faktor yang menyebabkan perkara ini berlaku. Kita juga sedar bahawa perkara itu disebabkan oleh sikap masyarakat yang mementingkan diri sendiri dan tidak prihatin akan perkara yang berlaku di sekeliling mereka. Perkara ini menunjukkan bahawa kebanyakan anggota masyarakat lebih mementingkan urusan mereka sendiri. Tindakan itu boleh diibaratkan seperti 'katak di bawah tempurung' kerana mereka tidak menghiraukan perkara yang sedang berlaku. Hasilnya, gejala ini tentunya menyebabkan pihak yang tidak bertanggungjawab itu merosakkan kemudahan awam selepas menggunakannya. Memang tidak dapat dinafikan bahawa sikap masyarakat yang mementingkan diri sendiri dan tidak prihatin akan orang lain merupakan salah satu daripada faktor yang menyebabkan kemudahan awam dirosakkan". - **Hajah Norashima, Kg. Madang.**

"Kemudahan awam yang disediakan oleh pihak tertentu juga boleh dilakukan dari seseorang yang hendak meluahkan perasaan marah mereka. Hal ini disebabkan oleh mereka tidak ada tempat lain untuk meluahkan perasaan selain merosakkan kemudahan awam yang disediakan. Perkara ini jelas terbukti seperti kata-kata kesat dan lucah yang terdapat di dinding-dinding tandas awam dan di pondok telefon awam. Orang yang tidak bertanggungjawab itu mungkin akan berasa lega dan berpuas hati dengan tindakannya itu. Sesungguhnya, perkara ini menunjukkan bahawa faktor orang yang hendak melepaskan perasaan marah atau geramnya menyebabkan kemudahan awam dirosakkan. Manakala faktor lain yang menyebabkan masalah ini berlaku ialah penguatkuasaan undang-undang yang lemah atau tidak tegas. Hal ini dikatakan demikian kerana pihak berkuasa tidak bertindak dengan tegas atau mengenakan denda yang berat terhadap pihak yang merosakkan kemudahan awam. Perkara ini menyebabkan orang yang tidak bertanggungjawab semakin berani untuk merosakkan kemudahan awam. Namun demikian, orang yang memerlukan kemudahan awam tersebut pula yang terpaksa menanggung akibat buruknya. Kemudahan awam juga sering dirosakkan kerana kurang pemantauan dan penyelenggaraan daripada pihak yang bertanggungjawab. Masalah ini akan menyebabkan pihak yang tidak bertanggungjawab itu merosakkan kemudahan awam tersebut apabila mereka tidak dapat menggunakannya. Perkara ini mungkin disebabkan oleh kekurangan kakitangan daripada pihak berkuasa yang hendak membuat pemantauan ataupun perbelanjaan untuk menyelenggarakan kemudahan awam itu sudah habis digunakan. Akibatnya, kemudahan awam yang dirosakkan itu akan terus terbiar dan perkara itu akan menjejaskan kebersihan atau keselesaan". - **Haji Alias bin Gafar, BSB.**

Sebagai kesimpulannya, bagi pendapat saya selaku penulis ruangan ini di mana kita dapat melihat bahawa kemudahan awam yang dirosakkan oleh pihak yang tidak bertanggungjawab ini berpunca daripada beberapa perkara. Oleh itu, semua pihak haruslah berganding bahu untuk menangani masalah ini agar tidak menjadi lebih serius. Sekiranya perkara ini tidak diberikan perhatian yang sewajarnya, masalah ini akan menyebabkan imej negara tercemar akibat tindakan yang tidak bertanggungjawab ini. Jadi, kita haruslah bekerjasama untuk mengatasi masalah ini sebelum menjadi amalan tersebut menjadi tabiat atau budaya masyarakat kita. Akhirnya, kita berharap agar kemudahan awam dapat digunakan oleh orang ramai dengan selesa tanpa sebarang masalah.

Biskita dialu-alukan menyumbangkan pendapat biskita dengan dua tajuk di bawah, sama ada menggunakan nama sebenar atau nama pena.

Sila e-melkan pendapat biskita ke : pelita.brunei@information.gov.bn

- i. Peranan Rakyat Menjamin Kesejahteraan Negara.
- ii. Penyebaran Berita-Berita Palsu.

Dedah kepentingan perancangan baik, terurus

BANDAR SERI BEGAWAN, Jumaat, 30 Oktober. - Jawatankuasa Ad-hoc Kelab Siswazah, Pusat Pengajian Siswazah (PPS) Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) buat julung-julung kali menganjurkan Bengkel Pelan Strategik Mencapai 'GOT' (Graduate on Time) yang bertempat di Bilik Banquet, UNISSA.

Bengkel pertama yang diadakan pada Rabu, 28 Oktober 2020 bermula 8.30 pagi hingga 12.30 tengah hari tersebut berjaya mengumpulkan seramai 49 peserta yang terdiri daripada siswazah Program Sarjana dan Doktor Falsafah universiti berkenaan.

Juga hadir semasa bengkel tersebut ialah Pengarah Pusat Pengajian Siswazah, selaku Penasihat Jawatankuasa Ad-hoc Kelab Siswazah, Dr. Hajah Sri Rahayu @ Nurjanah binti Haji Dollah dan Ketua-ketua Program Lepas Ijazah UNISSA daripada pelbagai fakulti dan pusat.

Penganjuran Bengkel Pelan Strategik Mencapai 'GOT' ini merupakan salah satu usaha dalam memberi pendedahan kepada para siswazah mengenai kepentingan perancangan secara baik dan terurus.

Fokus utama bengkel bertujuan untuk memantapkan pengetahuan para siswazah tentang kaedah mengurus pengajian mereka supaya lebih teratur dan bersistematis.

Hal ini disebabkan kaedah perancangan yang baik telah menjadi semakin penting di dalam usaha menyelesaikan pengajian mengikut tempoh yang ditetapkan seiring dengan tuntutan dan perkembangan universiti di arus perdana untuk menghasilkan pakar



ANTARA siswazah yang menghadiri Bengkel Pelan Strategik Mencapai 'GOT' (Graduate on Time) yang bertempat di Bilik Banquet, UNISSA.

Siaran Akhbar dan Foto : Universiti Islam Sultan Sharif Ali

dan ilmuwan dalam tempoh yang singkat.

Selain itu, bengkel ini turut memberi pendedahan kepada para siswazah melalui perkongsian pengalaman alumni yang berjaya menamatkan pengajian sebelum tamat tempoh.

Fasilitator bengkel terdiri daripada dua orang pensyarah dan lima orang siswazah Program Sarjana dan Doktor Falsafah. Slot pertama membawakan tajuk 'Persediaan Fizikal, Mental dan Spiritual' dikendalikan oleh siswazah-siswazah Program Doktor Falsafah Bahasa Arab, Dayang Ijlalina Nadzirah binti Haji Yunus dan Dayang Hajah Rafizah binti Haji Abdullah serta siswazah Program Sarjana Usuluddin, Awang Md Syahirul Syafiq bin Rasyid.

Slot kedua pula bertajuk 'Tips Penyediaan Perancangan Strategik' yang disampaikan oleh siswazah Program Doktor Falsafah Syariah, Dayang Zurairatul Zakiah binti Dato Seri Setia Haji Rajid dan siswazah Program Sarjana Sejarah

dan Tamadun Islam, Dayang Izzah Naqibah binti Kamis.

Sementara slot terakhir yang bertajuk 'Kisah Inspirasi Insan GOT' dikongsikan oleh Pensyarah UNISSA, Dr. Hajah Halimaturradiyah binti Dato Seri Setia Haji Metussin dan Pensyarah Adjung UNISSA, Awang Hafini bin Mahmud.

Bengkel ini merupakan salah satu usaha Kelab Siswazah dan Pusat Pengajian Siswazah dalam membantu melahirkan graduan yang mempunyai perancangan dan strategi bagi menyelesaikan perjalanan pengajian dalam tempoh yang ditentukan.

Perancangan dan strategi yang baik mampu mendorong pelajar untuk kekal berdisiplin dan berada di landasan yang betul sepanjang perjalanan pengajian.

Justeru bengkel ini diharapkan dapat menjadi wadah perkongsian ilmu teori dan praktikal serta perbincangan dalam kalangan para pelajar untuk lebih yakin dan jelas dengan perjalanan pengajian.

COVID-19 : 2 kes aktif masih dirawat

Siaran Akhbar dan Infografik : Kementerian Kesihatan

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 28 Oktober. - Negara Brunei Darussalam (NBD) tidak mencatatkan kes baharu COVID-19 setakat jam 12.00 tengah hari ini. Ini menjadikan jumlah keseluruhan kes

COVID-19 di negara ini masih kekal sebanyak 148 kes.

Manakala dua kes aktif masih dirawat di Pusat Pengasingan Kebangsaan ketika ini.

Dalam Siaran Akhbar

Ringkasan Kes

Kes Baru Hari Ini	Jumlah Keseluruhan Kes		
0	148		
Kes Sembuh Hari Ini	Kes Aktif	Kematian	Sembuh
0	2	3	143

Kes terakhir jangkitan tempatan COVID-19	Jumlah kes import sejak kes jangkitan tempatan terakhir dilaporkan
Dilaporkan pada 6 Mei 2020 (175 hari yang lalu)	7 Kes

Ringkasan Pengasingan Diri

Jumlah yang sedang menjalani Pengasingan Diri Mandatori	Jumlah yang telah menamatkan Pengasingan Diri Mandatori (sejak Mac 2020)
274	7,443

Ringkasan Ujian Virus SARS-CoV-2

Jumlah Ujian yang dilaksanakan dalam tempoh 24 jam	Jumlah keseluruhan ujian makmal dijalankan (sejak Januari 2020)
517 sampel	68,031

Kementerian Kesihatan memaklumkan bahawa alhamdulillah, setakat ini, NBD mencatatkan 175 hari kes sifar, iaitu bagi kes terakhir jangkitan tempatan COVID-19 sejak laporan terakhir dicatatkan pada 6 Mei lepas.

Dalam pada itu, setakat ini, sebanyak tujuh kes import dicatatkan, iaitu sejak kes terakhir jangkitan tempatan berkenaan dilaporkan.

Menurut Kementerian Kesihatan, jumlah keseluruhan kes yang sembuh setakat ini ialah seramai 143 orang.

Kementerian Kesihatan turut memaklumkan mengenai Situasi Terkini Jangkitan COVID-19 di NBD, di mana seramai 274 orang sedang menjalani pengasingan diri mandatori, sementara seramai 7,443 orang menamatkan pengasingan diri mandatori sejak Mac 2020.

Seterusnya, dalam tempoh 24 jam lalu, sebanyak 517 sampel ujian virus SARS-CoV-2 dilaksanakan dan ini membawa jumlah keseluruhan ujian makmal dijalankan sejak Januari 2020 ialah sebanyak 68,031 ujian.

Untuk maklumat lanjut dan perkembangan terkini, orang ramai boleh melayari Laman Sesawang Kementerian Kesihatan, iaitu www.moh.gov.bn atau menghubungi Talian Nasihat Kesihatan 148 atau melalui aplikasi BruHealth.